



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KENYATAAN MEDIA

JPA SAHUT SARANAN YAB PM UNTUK PERKASA PERKHIDMATAN AWAM

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyahut saranan oleh YAB Perdana Menteri bagi memperkasakan penyampaian perkhidmatan awam menerusi semakan semula prosedur sedia ada yang perlu diubah dan ditambah baik, bersesuaian dengan keadaan dan situasi semasa.

Sehubungan itu, JPA secara berterusan sentiasa menyemak Pekeliling dan Surat Pekeliling sedia ada bagi memastikan ia relevan dan bertepatan dengan keperluan semasa. Semua Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang telah melalui proses semakan semula, penambahbaikan dan penggabungan Pekeliling turut dimuat naik ke portal JPA menerusi MyPPSM (Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia) bagi tujuan rujukan.

Inisiatif penambahbaikan pekeling atau prosedur adalah untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Pemantapan sumber manusia perkhidmatan awam adalah salah satu daripada empat faktor utama dalam perubahan yang sedang dilaksanakan bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan. Selain daripada faktor tersebut, tiga faktor utama yang lain ialah pemantapan proses, penggunaan teknologi dan kelestarian kewangan. Empat faktor ini akan menyumbang kepada sistem penyampaian perkhidmatan awam yang mantap, efisien dan berkesan.

Justeru, pihak JPA menggesa agar semua pihak di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri mahupun Daerah untuk bersama-sama melihat keperluan bagi menilai semula prosedur-prosedur semasa agar dapat ditambah baik bagi meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Selari dengan hasrat kerajaan ke arah sistem yang berteraskan kerajaan digital, adaptasi digital dalam norma baharu perkhidmatan awam telah diperluaskan. Kadar perkhidmatan *End-to-End* (E2E) akan dipertingkatkan di setiap Kementerian/ Jabatan/ Agensi bagi memastikan keberkesanannya. Bagi Penjawat Utama Perkhidmatan Awam penambahan 10 peratus daripada penyampaian E2E semasa akan dikenakan sebagai Indeks Prestasi Utama (KPI) 2021. Pendekatan ini akan memberi nilai tambah dan memperkasakan lagi penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada pelanggan seterusnya meningkatkan kecekapan tadbir urus dalaman Kementerian/Jabatan/Agensi.

Penilaian dan penambahbaikan yang berterusan ini dapat memberikan nilai tambah ke arah penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih efektif dan memenuhi keperluan semasa dalam mendepani cabaran pada masa kini.

#####

Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

2 April 2021

Maklumat Perhubungan

Tel : 03-7774 3146 / 3088

Emel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (100)